

# EGOZITE CRADLE CAP LOTION

Salicylic Acid (6% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Egozite Cradle Cap Lotion
2. Bagaimana Egozite Cradle Cap Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Egozite Cradle Cap Lotion
4. Cara menggunakan Egozite Cradle Cap Lotion
5. Semasa menggunakan Egozite Cradle Cap Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Egozite Cradle Cap Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Egozite Cradle Cap Lotion

- Dirumus khas untuk merawat 'cradle cap' (ruam kulit kekuningan, berminyak dan bersisik pada kulit kepala bayi baru lahir).
- Egozite Cradle Cap Lotion merengangkan kerak dan menanggalkan 'cradle cap'.

## Bagaimana Egozite Cradle Cap Lotion berfungsi

- Egozite Cradle Cap Lotion mengandungi *asid salisilik* yang melonggarkan sisik dan melembutkan kerak.

## Sebelum menggunakan Egozite Cradle Cap Lotion

- Bila tidak boleh menggunakan  
Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai keradangan ekstrem kulit kepala, 'weeping eczema' (keradangan kulit yang ditandai dengan *exudate* cecair) ataupun alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan dalam produk ini.
- Sebelum mula menggunakan  
Sila berbincang dengan doktor atau

ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini. Untuk penggunaan semasa penyusuan, tiada kesan buruk yang dijangkakan kerana bahan-bahan kandungan produk ini telah digunakan secara meluas selama bertahun-tahun dan tiada kesan buruk telah dilaporkan dalam artikel yang telah diterbitkan.

### - Jika menggunakan ubat-ubat lain

Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan Egozite Cradle Cap Lotion

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada kerak sahaja dan elakkan kawasan tidak berkerak. Lap losyen berlebihan dari kawasan-kawasan tidak berkerak dengan kapas kering.

### - Bila perlu digunakan

Sapukan dua kali sehari selama 3-5 hari tanpa mencuci rambut, kemudian basuh dengan syampu lembut.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan menggunakan Egozite Cradle Cap Lotion pada baki kerak (jika ada) dua kali sehari. Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

### - Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat yang berkenaan dengan penggunaan topikal yang berlebihan pada manusia dilaporkan.

## Semasa menggunakan Egozite Cradle Cap Lotion

### - Perkara yang perlu dilakukan

Elakkan daripada terkena mata. Untuk kegunaan luaran sahaja. Pastikan kulit kepala kering. Elakkan sabun.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan telan. Jangan sapu pada kawasan merah dan tidak berkerak. Jangan keluarkan kerak secara paksa.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika ada sebarang ketidakselesaan, hentikan penggunaan.

## Kesan-kesan sampingan

Alahan kepada mana-mana bahan boleh menyebabkan kerengsaan kulit. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Egozite Cradle Cap Lotion

### - Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Egozite Cradle Cap Lotion tidak patut dibuang dengan sisa-sisa buangan isi rumah. Sila merujuk kepada ahli farmasi anda untuk cara-cara pelupusan Egozite Cradle Cap Lotion yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Egozite Cradle Cap Lotion ialah cecair berminyak, kuning, likat yang jernih dalam 50 botol mL.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *asid salisilik*.
- Bahan tidak aktif: *olive oil, propyl gallate, castor oil*.

### - Nombor MAL:

MAL19912422XRZ

## Pengilang

Ego Pharmaceuticals Pty. Ltd.  
21-31 Malcolm Road,  
Braeside, 3195  
Australia

# **EGOZITE CRADLE CAP LOTION**

Salicylic Acid (6% w/w)

---

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Ego Pharm Malaysia Sdn. Bhd.  
1-6 Block A, 72A Jln Universiti,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

**Tarikh Kemaskini RIMUP**

21/08/2017

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)140817/00221